

BAB 3

Kaedah Kajian

Kajian tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaan oleh pelajar ini merupakan satu kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes yang bercorak kualitatif melibatkan hanya seorang pelajar tingkatan lima di sebuah sekolah menengah di kawasan Gombak, Selangor Darul Ehsan. Pengutipan maklumat didapati melalui tiga cara yang biasa digunakan dalam penyelidikan kualitatif iaitu pencerapan (pemerhatian), temubual dan bukti dokumen. Penyelidik akan membuat pencerapan tentang penggunaan strategi metakognisi semasa aktiviti membaca dilakukan oleh subjek kajian, diikuti oleh temubual.

Selepas mengetahui kaedah kajian secara umum, bab ini akan menjelaskan tentang subjek kajian, bahan kajian, latar belakang tempat kajian, dan kaedah pengutipan data. Kajian ini dijalankan dengan kerjasama dan bantuan guru Bahasa Malaysia di sekolah yang berkenaan.

Subjek kajian.

Subjek kajian ialah seorang pelajar yang telah bersekolah di tempat kajian sejak tahun 1994. Beliau berbangsa Melayu, berumur dalam lingkungan 17 tahun, berkulit cerah dan tinggi lampai orangnya. Beliau merupakan pelajar pencapaian sederhana berdasarkan keputusan peperiksaan semester yang diteliti oleh penyelidik. Walau bagaimanapun

pencapaiannya dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia adalah cemerlang sejak dari Tingkatan Satu dan memperoleh Pangkat A semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Beliau merupakan orang tempatan dan telah menetap di Gombak sejak kecil kerana kawasan ini merupakan tempat kelahirannya.

Penyelidik memilih hanya seorang pelajar tingkatan lima sebagai sampel kajian kerana kajian ini merupakan satu kajian kecil yang menggunakan kaedah kajian kes bagi mendapatkan maklumat daripada sampel yang berkenaan tentang penggunaan strategi metakognisi pemahaman pembacaannya. Penyelidik juga memilih pelajar tingkatan lima memandangkan peringkat ini adalah peringkat tertinggi dalam sistem persekolahan di Malaysia dan pelajar seharusnya sudah mempunyai strategi pemahaman pembacaan untuk menghadapi pelajaran yang lebih sukar di peringkat pengajian tinggi nanti. Petikan yang dijadikan bahan kajian juga difikirkan menepati peringkat pengetahuan pelajar dan kelasnya.

Bahan kajian.

Bahan kajian yang digunakan ialah empat buah petikan. Ke empat-empat petikan adalah bahan bacaan jenis ekspositori yang diambil daripada buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Lima. Petikan-petikan ini berkaitan dengan tajuk pengajaran yang diajar oleh guru di bilik darjah. Teks ekspositori merupakan jenis teks yang mendedahkan sesuatu perkara, pendapat, idea, maklumat atau pandangan melalui penerangan iaitu menganalisis fakta-fakta secara objektif dan membuat penilaian yang logik berdasarkan bukti-bukti

sebagai sokongan bagi pendedahan yang dibuat. Dengan kata lain, bahan bacaan jenis ekspositori adalah petikan yang dibaca untuk mendapatkan maklumat, menyimpan dan menyebarkan maklumat

Latar belakang tempat kajian.

Sekolah Menengah Gombak Setia yang dijadikan tempat kajian merupakan sekolah menengah yang sebilangan besar pelajarnya berbangsa Melayu. Sekolah yang dibina pada tahun 1972 ini mampu menampung kira-kira seribu empat ratus orang pelajar dan mempunyai seratus dua puluh lima orang guru. Kawasan sekolah yang sederhana luasnya ini mempunyai lima blok bangunan setinggi tiga tingkat dan sebuah blok setingkat. Sekolah ini merupakan sekolah gred A dan menampung pelajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam Atas.

Kebanyakan pelajar tinggal di kawasan berhampiran dengan sekolah kerana di sekitar kawasan sekolah ini merupakan kawasan petempatan orang Melayu daripada pelbagai latar belakang sosio ekonomi iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Sebilangan besar ibu bapa pelajar berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta manakala sebahagian kecil sahaja yang bekerja sendiri seperti berniaga di pasar malam atau membuka kedai makan. Memandangkan kepada keadaan pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang ini telah menarik minat pengkaji untuk memilih sekolah menengah ini sebagai tempat kajian.

Kaedah pengutipan data

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes. Kaedah yang biasa digunakan dalam kajian kes ialah pencerapan (pemerhatian), temubual dan bukti dokumen. Tujuan menggunakan ketiga-tiga teknik ini ialah bagi mengukuhkan lagi data-data yang dikutip. Dalam kajian kes secara kualitatif, cara ini dinamakan sebagai 'triangulasi'. Triangulasi ini menurut Van Maanen (1983) merupakan wahana yang menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data apabila dua atau lebih teknik didapati selari dan menghasilkan data yang hampir sama.

Pencerapan. Bagi tujuan kajian ini penyelidik telah menjalankan pencerapan selama sebulan terhadap pelajar yang menjadi subjek kajian tersebut semasa subjek kajian mengikuti waktu bacaan dan pemahaman yang dikendalikan oleh guru Bahasa Malaysia kelas tersebut. Penyelidik mencatatkan apa-apa sahaja bentuk perlakuan pelajar berkenaan semasa proses membaca dilakukan yang dianggap boleh membantu penyelidikan ini. Semasa membuat pencerapan ini penyelidik duduk di belakang kelas dan seberapa boleh cuba untuk tidak menonjolkan diri. Setiap perlakuan pelajar dan reaksi pelajar dicatatkan ke dalam sebuah buku nota.

Temubual. Selain itu penyelidik juga telah menjalankan temubual bersama pelajar yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan strategi-strategi yang digunakan semasa membaca. Temubual dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang kurang jelas atau tidak didapati semasa pencerapan. Temubual dilakukan secara terancang iaitu soalan-soalan temubual telah disediakan terlebih dahulu oleh penyelidik. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan langkah-langkah yang dilakukan oleh

pelajar berkenaan apabila diminta oleh guru untuk membaca petikan. Selain itu temubual tidak formal juga diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat tertentu seperti perasaan, pandangan dan persepsi subjek kajian. Penyelidik telah menetapkan satu masa untuk menemubual subjek kajian iaitu selepas tamat waktu pelajaran Bahasa Malaysia tersebut.

Bukti dokumen. Bukti dokumen yang digunakan dalam kajian ini ialah hasil daripada pencerapan yang dicatatkan, jawapan-jawapan kepada soalan temubual dan juga petikan karangan yang dijadikan bahan untuk meneliti strategi-strategi metakognisi pemahaman pembacaan yang digunakan oleh pelajar tersebut.

Log methodologi kajian

Penyelidik telah menyediakan satu log methodologi kajian sebagai panduan jadual kerja untuk memudahkan tugas membuat kajian. Dengan adanya log ini, penyelidik dapat membuat perancangan kerja yang lebih baik. Walaupun dalam kajian bercorak kajian kes, log methodologi kajian ini sering berubah-ubah mengikut kesesuaian masa dan situasi kerja, tetapi penyelidik telah menyusun semula jadual yang lengkap sepanjang masa kajian ini dibuat hingga selesai.

Jadual 1**Log Methodologi Kajian**

| Tarikh dan hari | Aktiviti dan tujuan |
|------------------------|---|
| 22.11.97 Sabtu | Berbincang dengan penyelia tentang tajuk kajian, tujuan kajian, kaedah kajian dan aspek-aspek yang hendak diselidiki. |
| 24.11.97 - 31.12.97 | Meninjau karya dan kajian yang berkaitan strategi metakognisi pemahaman pembacaan sebagai panduan dan gambaran awal untuk menjalankan kajian. |
| 10.1.98 Sabtu | Melawat ke sekolah kajian, berjumpa dengan pengetua dan guru Bahasa Melayu. Memohon kebenaran untuk membuat kajian. Berbincang tentang tujuan, tempoh masa dan subjek kajian yang telah dikenalpasti. |
| 13.1.98 Selasa | Penyelidik menjalankan pemerhatian pertama terhadap subjek kajian untuk mendapatkan gambaran reaksi pelajar tersebut terhadap aktiviti bacaan dan pemahaman yang dibuat oleh guru. Pemerhatian kali pertama ini bertujuan untuk menyesuaikan diri dengan situasi bilik darjah sahaja. Walau bagaimanapun didapati selepas tamat kelas Bahasa Melayu, penyelidik telah berpeluang dan dibenarkan untuk terus memubual subjek kajian. Kemudian membuat perbincangan dengan guru sekali lagi untuk merancang pemerhatian yang kedua. |
| 20.1.98 Selasa | Penyelidik membuat pemerhatian kali kedua pada hari yang sama minggu yang berikutnya kerana guru mengajar bacaan dan pemahaman setiap hari Selasa untuk memenuhi dua waktu pengajaran. Seterusnya membuat temubual dengan subjek kajian kali kedua selepas sahaja tamat masa Bahasa Melayu ini. Membuat analisis secara ringkas dan penentuan untuk pemerhatian dan temubual seterusnya. |
| 24.1.98 - 3.2.98 | Cuti Semester Pertama dan Cuti Hari Raya |

| | |
|----------------------|---|
| 10.2.98 Selasa | Membuat pemerhatian kali ketiga. Beberapa strategi pemahaman pembacaan yang digunakan oleh subjek kajian dapat dicatatkan. Selepas kelas berakhir, sekali lagi diadakan temubual bersama-sama subjek kajian untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan pengetahuan subjek kajian tentang strategi yang telah digunakan. |
| 17.2.98 Selasa | Pemerhatian subjek kajian kali ke empat. Pemerhatian ini untuk mempastikan dengan jelas strategi yang digunakan oleh pelajar berkenaan. Beberapa strategi pemahaman pembacaan dapat dilihat digunakan oleh pelajar di samping strategi-strategi biasa yang digunakannya sebelum ini. Kemudian diadakan pula temubual dengan pelajar berkenaan untuk mendapatkan pengesahan tentang strategi baru yang dikenalpasti digunakan oleh pelajar untuk memahami petikan yang dibaca. |
| 3.3.98 Selasa | Membuat pemerhatian kali ke lima. Subjek kajian masih menggunakan strategi pemahaman yang sama seperti pelajaran yang sebelumnya. Penyelidik merasakan pemerhatian tidak perlu lagi dijalankan kerana tidak ada perbezaan dengan pemerhatian yang dibuat sebelumnya. Dari temubual juga didapati jelas pandangan pelajar terhadap penggunaan strategi pemahaman pembacaan. |
| 6.3.98 Jumaat | Berbincang dengan penyelia mengenai penyusunan bahan yang telah dikumpulkan oleh penyelidik. Menulis rangka pertama dalam bab pertama, dua dan ketiga. |
| 9.3.98 - 23.3.98 | Membuat analisis transkripsi pemerhatian serta temubual yang telah dijalankan. Menyusun semula rangka pertama bab satu, dua dan tiga setelah mendapat bimbingan daripada penyelia. |
| 26.3.98 Khamis | Berbincang dengan penyelia tentang cara menulis laporan dapatan kajian. Merujuk contoh kajian yang didapati dari perpustakaan serta mengkaji susunan dan gaya laporan. |
| 28.3.98 - 10.4.98 | Membuat analisis transkripsi pemerhatian dan temubual. Menulis rangka kasar bab keempat dan membuat kesimpulan. |
| 14.4.98 Selasa | Berbincang dengan penyelia dan membuat pembetulan bagi bab empat dan lima. |
| 22.4.98 Rabu | Melengkapkan kertas projek bab satu hingga bab lima. |